

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN
HAJI IBRAHIM
[KUALA SELANGOR – BN]**

SOALAN NO. 210

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tahap persiapan daripada aspek penganjuran dan atlet bagi menghadapi Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 serta berapakah jumlah penajaan yang telah diperoleh berbanding kos.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penganjuran Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 (atau yang dikenali sebagai KL2017), pada tahun 2015, Kementerian Belia dan Sukan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pengelola Malaysia (Malaysia Organising Committee - MASOC) bagi KL2017 yang terdiri dari 18 jawatankuasa kecil yang diwakili oleh pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan, antaranya seperti Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Setiap kementerian dan agensi ini mempunyai tugas masing-masing, antaranya dalam bidang seperti keselamatan, pengangkutan dan penginapan. MASOC pula diuruskan oleh sebuah Sekretariat dengan jumlah kakitangan seramai 130 orang.
2. Dari segi persiapan untuk penganjuran temasya Kuala Lumpur 2017 sudah pun berada di fasa terakhir. Ini bermakna, KBS sedang giat menjalankan baki kerja yang perlu disiapkan. Contohnya, Kuala Lumpur Sports City (KLSC) kini hampir siap dalam kerja-kerja penambahbaikannya dan akan sedia digunakan untuk raptai tidak lama lagi. Kerja-kerja persiapan untuk upacara perasmian KL2017 pada 19 Ogos 2017 juga sudah dimulakan di Stadium Nasional Bukit Jalil pada pertengahan bulan Julai 2017.

SULIT

3. Pada masa yang sama, MASOC juga sedang meneliti akan sebarang kemungkinan yang akan berlaku sepanjang temasya KL2017 ini berlangsung. Sekiranya ada masalah yang timbul, pasukan petugas akan memastikan bahawa masalah tersebut dapat diselesaikan dengan secepat yang mungkin.
4. KBS juga tidak menghadkan aspek penganjuran kepada hal-hal teknikal, tetapi juga dalam memastikan penglibatan orang ramai, lebih-lebih lagi di bawah semangat 'Bangkit Bersama' dalam menyokong pasukan kita. Sehubungan itu, Kalendar MASOC tidak lekang dengan pelbagai program dan aktiviti yang dipergiatkan lagi dengan hampirnya temasya ini. Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah seperti Inisiatif Green Games, KL2017@Sekolah, penjualan cenderahati atau barangan rasmi Kuala Lumpur 2017, penjualan tiket, nombor plat RIMAU bagi kenderaan, Larian Baton Bangkit Bersama, Larian Obor dan baru-baru ini, pelancaran aplikasi telefon pintar dan iklan rasmi KL2017.
5. Semua program-program ini telah mendapat sambutan yang amat baik sekali oleh peminat dan penyokong sukan, sukarelawan, rakan-rakan penaja, atlet-atlet, media sehinggalah pihak berkepentingan yang lain seperti sektor korporat.
6. Untuk penajaan pula, MASOC telah berjaya mencapai sasaran awal penajaan iaitu pencapaian sebanyak 103% atau RM82.7 juta berbanding RM80 juta yang telah ditetapkan sebelum ini. Sekaligus MASOC telah melepasi KPI (Prestasi Petunjuk Utama) dari segi penajaan untuk temasya Kuala Lumpur 2017. Daripada jumlah itu,

SULIT

pecahan penajaan yang diterima daripada 15 rakan penaja adalah RM25 juta dalam bentuk wang tunai manakala selebihnya dalam bentuk barangan dan cenderahati.

7. Dari segi **persediaan atlet**, Program KITA JUARA yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara telahpun memasuki fasa terakhir bermula bulan April 2017 lalu. **Jawatankuasa Pemilihan Atlet Temasya Sukan SEA 2017** yang ditubuhkan oleh Majlis Olimpik Malaysia (MOM) telah mengumumkan bahawa kontinjen negara akan disertai oleh **874 orang atlet** (iaitu seramai 485 atlet lelaki dan 389 atlet wanita) daripada **38 jenis sukan**. Mereka seterusnya akan bertanding dalam **398 acara daripada 404 acara** yang akan dipertandingkan di temasya KL 2017. Atlet-atlet tersebut juga akan dibantu oleh **390 jurulatih**, pengurus pasukan dan pegawai kontinjen yang menjadikan jumlah keseluruhan kontinjen negara seramai **1264 orang**. Jumlah tersebut merupakan penyertaan terbesar kontinjen negara dalam sejarah penyertaan di temasya Sukan SEA sejak tahun 1959.
8. Dalam usaha untuk dinobatkan sebagai juara keseluruhan temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, kontinjen negara perlu memenangi lebih **100 pingat emas** dari **404 pingat emas** yang akan dipertandingkan untuk mengatasi pungutan pingat emas di kalangan negara-negara terkuat Asia Tenggara seperti Thailand yang telah mengumumkan sasaran 100 pingat emas.

SULIT

9. Beberapa program yang melibatkan kontinjen negara akan dilaksanakan menjelang temasya KL2017 seperti :-
- a) **Kem Fasa Akhir Kontinjen Malaysia** yang akan bermula pada 4 hingga 10 Ogos 2017 di Hotel Renaissance Kuala Lumpur
 - b) **Penyerahan Jalur Gemilang Kontinjen Sukan SEA dan Sukan Para-ASEAN 2017** pada 10 Julai 2017 di PICC, Putrajaya yang akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM**

SOALAN : **211**

PR-1352-T00785

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah rangka strategik pihak Kementerian bagi menggiatkan usaha untuk menjadikan negara sebagai hab e-dagang rentas sempadan dan pertumbuhan pesat industri runcit dalam talian menerusi penubuhan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) adalah merupakan sebahagian daripada agenda eDagang Kebangsaan yang bermatlamat untuk memacu pembangunan sektor eDagang negara serta menjadikan Malaysia sebagai hab eDagang serantau.

SOALAN NO: 211

Rangka strategi ini telah digariskan di bawah Pelan Hala Tuju Strategik eDagang Kebangsaan (NeSR) yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama MDEC iaitu agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Di bawah NeSR ini, Kerajaan telah mensasarkan untuk menggandakan kadar pertumbuhan eDagang di Malaysia daripada 10.8% pada tahun 2016 kepada 20.8% menjelang tahun 2020.

Sejajar dengan teras strategik di bawah NeSR, pelaksanaan Digital Free Trade Zone (DFTZ) turut menumpukan usaha pembangunan melalui kerjasama dengan pelbagai Kementerian dan agensi terlibat seperti berikut:

- (i) Menggalakkan dan mempersiapkan syarikat-syarikat PKS yang mempunyai potensi mengeksport produk dan perkhidmatan mereka untuk diterapkan di atas platform DFTZ;
- (ii) Membangunkan ekosistem DFTZ yang mampan dengan menarik pelaburan strategik dari syarikat global dan tempatan dalam sektor-sektor terlibat seperti logistik, infrastruktur dan perkhidmatan sokongan, *eMarketplaces*, syarikat jenama global dan perkhidmatan sokongan operasi seperti kewangan.
- (iii) Menyediakan infrastruktur dan logistik *eFulfilment* yang bertaraf global termasuk dan menambahbaik proses perlepasan Kastam dan kargo; dan
- (iv) Menyediakan platform elektronik perkhidmatan Kerajaan yang bersepadu bagi membolehkan proses eDagang rentas sempadan yang mudah, pantas dan kos efektif.

SOALAN NO: 211

Perlaksanaan program di bawah Pelan Hala Tuju eDagang Kebangsaan serta penubuhan DFTZ akan meningkatkan lagi daya saing industri eDagang di Malaysia serta sumbangan eDagang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dengan pelaksanaan strategi dan program-program ini juga, Malaysia dapat meraih peluang dan membangun sebagai hab eDagang serantau.

RT13/212

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : DATO' SRI DR. HAJI
DARIPADA IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
(KUALA SELANGOR)

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim (Kuala Selangor) minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah amalan kaunseling di peringkat sekolah berjaya meningkatkan tahap kesihatan mental di kalangan pelajar dan apakah usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian dalam memberikan kesedaran mengenai peri pentingnya amalan kaunseling kepada masyarakat

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius berkaitan tahap kesihatan mental dalam kalangan murid di sekolah. Guru Bimbingan dan Kaunseling berperanan melaksanakan sesi kaunseling dan pelbagai program intervensi melalui pendekatan pencegahan, pengembangan, pemulihan dan krisis. Usaha-usaha berterusan turut dilaksanakan seperti berikut;

- a. Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah dilaksanakan secara sepenuh masa dan berfokus. Fokus Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah dilaksanakan secara sepenuh masa dan berfokus kepada 4 fokus utama iaitu pembangunan dan pengembangan sahsiah diri murid, peningkatan disiplin diri murid, pendidikan kerjaya murid serta psikososial dan kesejahteraan mental murid

- b. Program Minda Sihat dilaksanakan dengan kerjasama antara KPM dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara berfokus untuk semua murid di tingkatan 4 dan turut dilaksanakan kepada murid-murid lain mengikut keperluan semasa murid. Program ini bertujuan memperkasa murid menangani stres cabaran kehidupan sehari-hari dengan berkesan melalui kemahiran daya tindak (*coping skills*) dan teknik relaksasi bagi membantu menangani gangguan perasaan dan kecelaruan minda.

- c. Program Sarana Psikososial sentiasa menjelaskan kepada peserta yang terdiri daripada Persatuan Ibu bapa/Penjaga dan Guru mengenai kesedaran berkaitan dengan perkhidmatan psikologi dan kaunseling. Bahagian Psikologi dan kaunseling juga kerap mendapat jemputan untuk memberi penjelasan berkaitan psikologi dan kaunseling melalui media elektronik seperti RTM, MHI, stesen radio dan lain-lain.